

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 21 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 8**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1531-MQT2661

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada keputusan WTO terhadap rayuan Malaysia berkenaan diskriminasi EU terhadap minyak sawit masih membenarkan EU untuk melaksanakan Delegated Act yang mengharamkan minyak sawit sebagai biofuel menjelang 2030. Apakah Malaysia mempunyai kepakaran untuk menukar dasar EU yang mengharamkan minyak sawit sebagai biofuel pada 2030.

2. PR-1531-MQT2678

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap tawaran Malaysia untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026 ekoran Victoria, Australia menarik diri daripada menjadi tuan rumah tahun lalu berikutan peningkatan kos penganguran daripada AUD2.6 bilion (RM8.09 bilion) kepada AUD7 bilion (RM21.78 bilion) dengan mengambil kira keadaan ekonomi negara semasa dan kebijakan rakyat.

3. PR-1531-MQT2677

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah terdapat sebarang kerjasama yang dijalankan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bersama Majlis Agama Islam setiap negeri dan wilayah bagi membantu para asnaf serta usahawan-usahawan asnaf menambah pengetahuan dan meningkatkan hasil perniagaan mereka.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 21 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 16**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1531-L23726  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah intervensi yang diambil Kerajaan Persekutuan terhadap kawasan yang sering mengalami gangguan bekalan elektrik.
  
2. PR-1531-L24235  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pengecualian Cukai Keuntungan Modal (CGT) terhadap unit amanah akan memberi kesan kepada unjuran hasil pendapatan negara sebanyak RM800 juta setahun seperti dinyatakan pada November 2023.
  
3. PR-1531-L23541  
**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha dan pencapaian terkini Kementerian bagi menyelesaikan isu penduduk termasuk kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri dan status kewarganegaraan terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak.

## 4. PR-1531-L24196

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membantu para usahawan mikro Bumiputera seperti industri makanan dan minuman (F&B) termasuk skim pembiayaan serta langkah proaktif yang diambil bagi merancakkan sektor keusahawanan halal menerusi pembangunan kapasiti usahawan dan produk.

## 5. PR-1531-L23262

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana status perbincangan mengenai autonomi pendidikan antara Kementerian dengan Sarawak. Apakah perkara atau isu autonomi yang telah dibincang dan bilakah akan dilaksanakan.

## 6. PR-1531-L22719

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapa jumlah tanah rizab Kerajaan yang telah diduduki secara haram oleh rakyat Malaysia dan apakah tindakan atau pampasan oleh Kerajaan bagi rakyat yang sekian lama menduduki tanah rizab sekiranya Kerajaan ingin mengambil alih tanah tersebut.

## 7. PR-1531-L23713

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah polis yang telah diambil tindakan disiplin sejak Disember 2022. Berapa aduan telah diterima oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak ia beroperasi dan penyelerasian fungsi fungsi IPCC dan Jabatan Integriti PDRM.

## 8. PR-1531-L24337

**Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif Kementerian dalam membantu anak-anak golongan B40 atau penerima e-Kasih yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT untuk memiliki peranti bantu belajar seperti komputer dan memiliki akses internet.

## 9. PR-1531-L23502

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kementerian melalui Bank Negara untuk mengawal selia penetapan premium insurans kesihatan oleh syarikat-syarikat insurans memandangkan banyak rungutan daripada pelanggan tentang peningkatan yang keterlaluan premium insurans kesihatan yang dikenakan pada masa ini.

10. PR-1531-L24303

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung gejala *Forgotten Baby Syndrome* (Sindrom Terlupa Anak) yang kian meningkat kini serta berapakah peratusan yang telah berlaku sejak dari tahun 2020.

11. PR-1531-L23211

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan untuk melegakan kebimbangan umum berikut semakin ramai murid terjebak menonton medsos *Tiktok* berbanding menumpukan kepada pelajaran mereka.

12. PR-1531-L23878

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar sekolah menengah yang tidak menyambung pengajian pada peringkat lebih tinggi dan apakah cabaran utama yang menyebabkan golongan terbabit tidak berminat untuk belajar dan apakah langkah pihak Kerajaan bagi mengatasi isu tersebut.

13. PR-1531-L23486

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan polisi Kementerian bagi menjamin kebajikan wanita dan kanak-kanak dalam tahanan, termasuk jaminan kebersihan haid serta hak kanak-kanak yang dilahirkan dalam penjara.

14. PR-1531-L24363

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian berkaitan guru-guru yang terlibat dalam politik sama ada dibenarkan atau dilarang.

15. PR-1531-L23754

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi isu-isu penjawat awam yang majoriti terdiri daripada kaum Melayu untuk memahami budaya dan agama lain selain daripada agama Islam dan merangka dasar yang dapat memenuhi keperluan pelbagai kaum dan agama di negara ini.

16. PR-1531-L23900

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai isu penderaan kanak-kanak semakin serius, apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengenal pasti punca dan penyelesaiannya.

17. PR-1531-L23576

**Tuan Suhaihan bin Kiat [ Pulai ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai apa-apa perancangan bagi menubuhkan sebuah syarikat milikan Kerajaan bagi menguruskan hasil-hasil nadir bumi yang terdapat di negara ini seperti penubuhan syarikat carigali minyak, PETRONAS pada tahun 1974.

18. PR-1531-L24350

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah khusus yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu balu (warga asing) kepada rakyat Malaysia yang tidak boleh bekerja disebabkan sekatan visa serta bagaimana untuk mereka mendapatkan status undang-undang jangka masa panjang selepas kematian suami demi keperluan terbaik anak-anak warganegara Malaysia mereka.

19. PR-1531-L23698

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem penilaian pelajar dan pensyarah yang dijalankan di atas talian setiap hujung semester pengajian di IPTA. Apakah jaminan bagi memastikan maklum balas yang diberikan benar-benar berintegriti dan telus sekali gus meningkatkan mutu proses pembelajaran dan pengajaran.

20. PR-1531-L24118

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh manakah kesiapsiagaan Kerajaan terhadap insiden banjir kilat yang kerap berlaku termasuk penambahbaikan sistem pengairan dan perparitan yang uzur di samping penaiktarafan sistem amaran banjir kilat yang sedia ada.

21. PR-1531-L23647

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci perancangan dan pelaksanaan terkini mengurangkan nisbah tidak cocok dalam *supply and demand* lepasan universiti dan sektor industri pekerjaan .

22. PR-1531-L24236

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah terdapat faktor luaran baharu yang tidak pernah wujud sebelum ini sehingga menyebabkan nilai Ringgit Malaysia mencapai tahap terendah dalam sejarah berbanding mata wang utama termasuk dolar Amerika Syarikat dan dolar Singapura.

23. PR-1531-L23567

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Linggi tidak mengikut *timeline* yang diunjurkan dan akan memberi kesan Negeri Sembilan mengalami masalah kekurangan sumber bekalan air mentah lebih awal dari jangkaan. Mohon pihak Kementerian maklumkan langkah-langkah untuk mempercepatkan pembinaan TAPS Linggi ini.

24. PR-1531-L24340

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perincian jumlah gelandangan di Malaysia dan tindakan yang diambil untuk membantu mereka supaya tidak lagi menjadi gelandangan.

25. PR-1531-L22954

**Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tahap kemampuan tenaga kerja dan kawalan keselamatan di depoh imigresen seluruh negara dalam menangani risiko tahanan melarikan diri dari depoh tahanan seperti yang berlaku di depoh Imigresen Sungai Bakap pada 2022 dan di Bidor pada Februari 2024.

26. PR-1531-L24015

**Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana GLIC di dalam negara ini mematuhi *Malaysia Code for Institutional Investor* dan apakah tindakan proaktif Kerajaan dalam memastikan semua GLIC mematuhi kod tersebut.

27. PR-1531-L23673

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah dan inisiatif yang telah dilaksanakan atau dalam perancangan untuk menjadikan program guna tenaga boleh baharu (RE) dinikmati dengan kos yang berpatutan untuk golongan B40 di negara kita.

28. PR-1531-L24310

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah keseluruhan wang Bantuan Awal Persekolahan (BAP) yang telah disalurkan kepada setiap pelajar mengikut pecahan negeri dan kaum.

29. PR-1531-L22807

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah dasar perolehan awam berkenaan dengan syarat *local content* (peratus kandungan produk atau servis mesti dihasilkan di Malaysia); dan
- (b) adakah audit berkala diadakan untuk memastikan perolehan-perolehan kerajaan memenuhi syarat tersebut.

30. PR-1531-L23974

**Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes pengabaian/kecuaian dan penderaan warga emas dalam jagaan ahli keluarga mengikut negeri-negeri di Malaysia dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

31. PR-1531-L23323

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang diambil bagi menangani jangkaan kenaikan inflasi pada suku kedua tahun 2024 disebabkan rasionalisasi subsidi bahan api dan peningkatan cukai perkhidmatan; dan
- (b) impak dari sudut inflasi dan kos sara hidup rakyat jika diperkenalkan semula GST pada kadar rendah berbanding pengenalan cukai baru seperti yang diumumkan dan kenaikan cukai sedia ada.

32. PR-1531-L24127

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi kesan banjir jangka pendek dan jangka panjang sementara menunggu tempoh siapnya tebatan banjir sepenuhnya di Kelantan dan khususnya di Rantau Panjang.

33. PR-1531-L23264

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana isu sekolah daif di Sarawak di selesaikan sehingga kini, khususnya sekolah daif yang berskala tujuh. Senaraikan nama sekolah-sekolah yang akan dibina baru termasuk kawasan Parlimen Igan.

34. PR-1531-L23621

**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai penambahbaikan kemudahan imigresen di bawah Pelan Liberalisasi Visa dan usaha bagi memudahkan cara permohonan pas lawatan sosial jangka panjang, pas residen dan permit masuk untuk suami atau isteri warganegara.

35. PR-1531-L23251

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperkenalkan subjek berkaitan teknologi kecerdasan buatan (AI) di peringkat sekolah rendah di negara ini untuk melahirkan tenaga mahir.

36. PR-1531-L23136

**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah cabaran Kerajaan terhadap pelan tindakan dan perubahan dasar yang bakal dilakukan untuk mempercepatkan usaha mitigasi perubahan iklim berdasarkan Konferensi Perubahan Iklim PBB 2023 (COP 28).

37. PR-1531-L24367

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik lima tahun terkini kejadian kes bunuh diri di Malaysia dan apakah faktor-faktor penyumbang kepada kemurungan mangsa berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan peningkatan kadar jenayah, penggunaan dadah dan kes-kes cubaan bunuh diri.

38. PR-1531-L22737

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah kebocoran paip Indah Water Konsortium (IWK) di bawah Jalan Sungai Pinang, Jelutong, Pulau Pinang yang sering kali berlaku sejak beberapa tahun ini.

39. PR-1531-L24294

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam mengurangkan beban Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dalam menguruskan penilaian berterusan seperti PAJSK, SEGAK, PBD dan PSIKOMETRIK.

40. PR-1531-L23570

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi isu ketidakcukupan tempat di universiti awam, memandangkan ketika ini Kementerian dilihat tidak mempunyai perancangan untuk menambah bilangan universiti awam.

41. PR-1531-L24242

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah Khazanah Nasional sedang mempertimbangkan cadangan pelaburan di dalam syarikat OYO seperti yang dilaporkan media; dan
- (b) mengapa Khazanah Nasional tidak meningkatkan pelaburan di dalam sektor strategik pertanian dan agromakanan di luar negara, seterusnya membawa hasil pengeluaran ke Malaysia, bagi memperkuuhkan bekalan makanan negara.

42. PR-1531-L23536

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca utama belakunya peningkatan isu salah laku dan integriti yang melibatkan pegawai dan anggota polis sejak kebelakangan ini serta apakah langkah yang diambil Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.

43. PR-1531-L24126

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini projek tebatan banjir di Rantau Panjang untuk projek tahun 2024 dan fasa-fasa berikutnya.

44. PR-1531-L23667

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Tinggi sama ada dalam subjek mata pelajaran ataupun aktiviti ko-kurikulum.

45. PR-1531-L24195

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah status terkini Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 yang telah diperkenalkan sebelum ini serta inisiatif dan hasil pencapaian sehingga kini.

46. PR-1531-L23600

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes salah laku dan jenayah yang dilakukan oleh anggota polis semasa tugas dan nyatakan tindakan serta hukuman yang dikenakan ke atas pesalah memandangkan kes salah laku dalam kalangan anggota polis semakin membimbangkan dan ketidakpercayaan orang awam terhadap institusi ini.

47. PR-1531-L24104

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah projek tebatan banjir yang telah dibina di Temerloh, di manakah ia dibina dan berapa jumlah kosnya; dan
- (b) adakah pembinaan benteng tanah runtuh di tebing sungai yang tidak mengalami banjir termasuk dalam kategori projek tebatan banjir.

48. PR-1531-L22818

**Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pelan jangka panjang bagi pembangunan dan peningkatan sistem pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya bagi IPTS.

49. PR-1531-L24249

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) apakah skim kebajikan suri rumah dan wanita yang kini diletakkan dalam pelbagai agensi dan Kementerian, sejauh manakah sambutan dan pengurusan informasinya kepada masyarakat berkenaan dengan manfaat skim-skim tersebut ; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menyeragamkan ia di bawah satu Kementerian.

50. PR-1531-L23598

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan segera yang telah diambil untuk menangani kekurangan ketiadaan kad MyKid dan dokumen rasmi yang lain di pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang telah berlarutan sekian lama.

51. PR-1531-L23303

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika perlu mengagihkan lebih peruntukan untuk menggalakkan lebih banyak sekolah menjalankan Program Dwibahasa (DLP) demi meningkatkan kefasihan dalam Bahasa Inggeris dan sekaligus meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran belia.

52. PR-1531-L23630

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kewujudan syarikat proksi yang bertindak memonopoli tender perkhidmatan kawalan keselamatan memandangkan ia sekali gus mewujudkan persaingan yang tidak sihat dalam industri kawalan keselamatan negara.

53. PR-1531-L23456

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan bagi SJK Cina dan SJK Tamil pada tahun 2024.

54. PR-1531-L23244

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian ada cadangan untuk menyeragamkan dan menaik taraf sistem-sistem pengurusan maklumat yang digunakan guru-guru di sekolah seperti inisiatif PADU bagi meringankan beban kerja guru-guru di sekolah.

55. PR-1531-L23269

**Dato' Seri Amirudin bin Shari [ Gombak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keterbukaan Kementerian untuk membolehkan pelajar sekolah menengah diberikan peluang menjalani latihan amali bersama syarikat swasta dengan sektor teknologi tertentu setiap tahun sewaktu musim cuti persekolahan bagi meningkatkan kesedaran pelajar.

56. PR-1531-L23330

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah dan pecahan peratusan anak-anak yang berumur 5 dan 6 tahun yang bersekolah di tadika dan prasekolah Kerajaan dan swasta di seluruh negara dan di Sabah khususnya; dan
- (b) jumlah pelajar sekolah rendah yang tidak menyambung ke peringkat menengah mengikut daerah di Sabah dan sebab-sebabnya.

57. PR-1531-L23732

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina institusi pendidikan seperti UITM untuk kaum berbangsa India dengan kolaborasi bersama MITRA.

58. PR-1531-L23551

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kemajuan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kapar Kecil and Sungai Kapar Besar dan bagaimanakah projek ini boleh membantu menyelesaikan isu banjir yang turut terkesan di Setia Alam.

59. PR-1531-L23602

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini permohonan peruntukan RM700 ribu JPS Segamat berkenaan pelaksanaan kerja pengukuhan dan pembaikan tebing tanah runtuh sungai Lorong Tanjung 2 Kampung Sungai Siput.

60. PR-1531-L23519

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai nama kes-kes yang dirujuk oleh PDRM untuk bantuan Interpol sejak lima tahun kebelakangan ini dan apakah perkembangan terkini terhadap kes yang melibatkan Muhammad Adlan Berhan.

61. PR-1531-L23564

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat sebarang kemungkinan untuk membolehkan Akaun 1 KWSP juga boleh digunakan bagi membantu mengurangkan komitmen bulanan pencarum seperti pinjaman rumah dan sebagainya.

62. PR-1531-L23299

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa banyak permohonan pemohon-pemohon yang layak memohon mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan untuk kewarganegaraan ditolak. Nyatakan kriteria dan bagaimana budi bicara Menteri untuk meluluskan sesuatu permohonan dibuat.

63. PR-1531-L23279

**Dato' Seri Amirudin bin Shari [ Gombak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk membolehkan setiap kanak-kanak diberikan peluang melalui pendidikan pra-sekolah. Apakah pendirian Kementerian terhadap laporan Bank Dunia bahawa sistem pendidikan pra-sekolah Malaysia belum menepati hasrat dari segi kualiti mahupun akses .

64. PR-1531-L23297

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkuatkan nilai wang Ringgit Malaysia. Mengapa pengumuman Kerajaan mengenai langkah-langkah mengurangkan subsidi dan memperkukuhkan kewangan Kerajaan tidak memperkuatkan nilai Ringgit Malaysia.

65. PR-1531-L23305

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan dakwaan berikut:-

- (a) beberapa anggota polis enggan menerima laporan kes pemerasan RM10,000 membabitkan empat anggota polis dan anggota polis trafik meminta RM100 daripada pelancong pasangan UK; dan
- (b) sebaran video polis menampar seorang lelaki di tempat awam dan 10 anggota polis trafik berhubung penemuan wang tunai lebih RM3,000 di dalam beg dan kereta peronda.

66. PR-1531-L(5)00217

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan data terkini mengatakan bahawa nilai Ringgit Malaysia mengalami kemerosotan yang amat merisaukan. Adakah pihak Kementerian mengaku bahawa kita seharusnya mengadakan penstrukturran semula subsidi dan meneroka saluran percukaian baharu. Apakah rancangan pihak kementerian untuk mewujudkan lebih banyak ruang fiskal pada masa depan.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

67. PR-1531-L23335

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkenalkan sistem pelepasan kastam 24 jam di pusat kargo lapangan terbang di Sabah untuk membangunkan sektor logistik tempatan .

68. PR-1531-L23692

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status terkini projek penjualan air dari negeri Perak ke Pulau Pinang. Apakah peranan Kerajaan Pusat dalam memastikan sekuriti air kepada negeri Pulau Pinang terutamanya Parlimen Bayan Baru yang mempunyai industri teknologi tinggi yang memerlukan air yang banyak dan berterusan.

69. PR-1531-L23637

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan program dan dana khas melatih barisan pelapis kepimpinan negara dengan ilmu politik yang komprehensif melangkaui parti-parti politik.

70. PR-1531-L23479

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mekanisme yang digunakan oleh Kementerian untuk memantau keberkesanan sistem Pentaksiran Bilik Darjah di sekolah; dan
- (b) apakah perancangan untuk menambah baik silibus pembelajaran agar penguasaan 3M (Membaca, Menulis, Mengira) dapat ditingkatkan sebagai persediaan sebelum ke peringkat yang lebih tinggi.

71. PR-1531-L22735

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang untuk memberikan apa-apa peruntukan kepada Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang semasa perayaan seperti Thaipusam.

72. PR-1531-L22990

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi menangani isu salahlaku anggota polis yang semakin parah dan mencemarkan nama baik institusi.

73. PR-1531-L23250

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kementerian terhadap krisis guru ponteng atau ketidakhadiran guru sehingga tahap pelajar bertindak menyaman guru-guru ponteng yang berkenaan.

74. PR-1531-L22789

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) status projek pembinaan loji Cinta Mata i dan adakah mencukupi untuk menampung keperluan air di kawasan Tawau sekarang; dan
- (b) jaminan untuk mempercepatkan bajet tambahan pelaksanaan Loji Rawatan Air Cinta Mata ii dijangka boleh menyelesaikan masalah bekalan air di Tawau dan Kalabakan.

75. PR-1531-L22834

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status semasa permohonan kewarganegaraan 15A bagi golongan tanpa negara.

76. PR-1531-L23213

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap operator kantin sekolah yang dikuasai oleh kumpulan korporat terancang yang menjadi 'majikan sebenar' tetapi tiada di kantin, dengan pekerja sahaja yang mengendalikannya. Berapa aduan tentang kantin sekolah yang telah diterima oleh PPD Seremban sejak Januari 2023 sehingga Januari 2024, senaraikan nama sekolah yang terbabit.

77. PR-1531-L23756

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah serta tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi menjaga kebijakan serta memperkasakan kehidupan ibu-ibu tunggal seperti bantuan khas setiap bulan dan juga modal untuk memulakan perniagaan dan juga data statistik ibu tunggal bagi Parlimen Puncak Borneo yang terkini.

78. PR-1531-L22933

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak sekolah SK di kawasan Parlimen Tanjung Manis yang tidak mempunyai Guru Besar dan tidak mempunyai guru-guru yang mencukupi. Apakah tindakan pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

79. PR-1531-L23558

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kajian Menyeluruh Sumber Bekalan Air Mentah Negeri Sembilan yang dilaksanakan Jurutera Perunding Zaaba pada 2020 menjangkakan Negeri Sembilan akan mengalami kemerosotan sumber air mentah menjangkau 2030. Apakah kemajuan empat projek yang diangkat melalui Bahagian Bekalan Air, NRECC untuk kelangsungan sumber air mentah di Negeri Sembilan.

80. PR-1531-L23472

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah yang telah diguna pakai oleh Kerajaan Malaysia dalam menentukan nilai pemberian khas kepada negeri Sabah melalui Warta Kerajaan Persekutuan Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112d) (Negeri Sabah) 2023.

81. PR-1531-L23466

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kereta secara terperinci yang disewa melalui Syarikat Spanco sejak mula lagi dan jumlah perbelanjaan yang dibayar kepada Spanco dari mula sehingga terkini.

82. PR-1531-L23209

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan tunggakan kes-kes rayuan oleh persatuan-persatuan bersabit pembatalan kebenaran oleh Pendaftaran Pertubuhan yang belum diselesaikan yang menyebabkan persatuan tidak dapat bergerak.

83. PR-1531-L23485

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan polisi dan SOP bagi menjamin kebajikan banduan-banduan yang sedang menghadapi isu kesihatan mental dalam tahanan.

84. PR-1531-L24096

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah intervensi yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi menangani masalah kejatuhan nilai mata wang Ringgit pada waktu ini.

85. PR-1531-L23619

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan jalan Persekutuan (FT01) yang melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan hadapan, kerja-kerja pemberian di hadapan SM Sains Segamat dan bilakah projek ini akan dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R 6/2024 ) Rang Undang-Undang Polis (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**

[ 20 Mac 2024 ]

[ Menteri Dalam Negeri ]

2. ( D.R 37/2023 ) Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya **Bacaan Kali Yang Kedua** Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023.

[ Menteri Kerja Raya ]

3. ( D.R 38/2023 ) Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam "Perkara Jenayah (Pindaan) 2023.

[ Perdana Menteri ]

4. ( D.R 35/2023 ) Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023. "

[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]

5. ( D.R 2/2024 ) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024. "

[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]

6. ( D.R 5/2024 ) Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024. "

[ Menteri Kewangan ]

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“BAHAWASANYA, berikutan penyusunan semula Kabinet pada 12 Disember 2023, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan daripada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subsekyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subsekyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion lima ratus enam puluh satu juta enam ratus enam belas ribu tiga ratus ringgit (RM6,561,616,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2024, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.”

- |                   |  |                               |
|-------------------|--|-------------------------------|
| 7. ( D.R 3/2024 ) | Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|-------------------|--|-------------------------------|

[ Menteri Kewangan ]

- |                   |   |   |
|-------------------|---|---|
| 8. ( D.R 1/2024 ) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) | " |
|-------------------|---|---|

[ Menteri Kewangan ]

- |  |
|--|
| 9. <b>Menteri Kewangan</b> akan mencadangkan : |
|--|

“Bahawa mengikut perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,149 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM149 juta bagi Disember 2023 dan RM15,000 juta bagi tempoh Januari hingga Februari 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan”.

10. PR-1531-U(27)308

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

**[ Menteri Kewangan ]**

11. PR-1531-U(27)309

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

12. PR-1531-U(27)310

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

**[ Menteri Kewangan ]**

13. PR-1531-U(27)311

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

14. PR-1531-U(27)312

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

15. PR-1531-U(27)313

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

### [ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]

16. PR-1531-U(27)314

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

### [ Menteri Kewangan ]

17. PR-1531-U(27)315

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian

segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

#### **[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**

18. PR-1531-U(27)316

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

#### **[ Menteri Pertahanan ]**

19. PR-1531-U(27)317

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

#### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1531-U(27)318

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

**[ Menteri Komunikasi ]**

21. PR-1531-U(27)319

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

22. PR-1531-U(27)320

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di

kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

23. PR-1531-U(27)321

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

### **[ Menteri Kewangan ]**

24. PR-1531-U(27)322

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa kecinciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan.”

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 6	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jabatan Kerja Raya Sarawak & Jabatan Kerja Raya Sabah	21 Mac 2024
ST. 62	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2022	21 Mac 2024
ST. 63	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2022	21 Mac 2024
ST. 64	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2022	21 Mac 2024
ST. 65	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2022	21 Mac 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
21.03.2024 (Khamis)	1. YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis (Kota Belud)	1. Bekalan Air di Sabah 2. Lebuhraya Pan Borneo Sabah	1. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air 2. YB Menteri Kerja Raya
	2. YB Datuk Haji Awang bin Hashim (Pendang)	3. Masalah Jambatan Sempit di Lokasi Trafik Tinggi 4. Masalah perkhidmatan KTM Komuter Ulang-Alik Butterworth - Padang Besar	3. YB Menteri Kerja Raya 4. YB Menteri Pengangkutan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**